



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN

Telegram : 'IMMCONTROL'
Telefon : 03-88801000
Faks : 03-88801200
Laman Web : <http://www.imi.gov.my>



'PERKHIDMATAN BERKUALITI DAN BERINTEGRITI'

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

IM.101/HQ-G/862/1/1 (8)

Tarikh:

14 Zulkaedah 1434
20 September 2013

Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat

Semua Pengarah Imigresen Negeri

Semua Ketua Pejabat Imigresen Cawangan/Pos Imigresen

Semua Atase Imigresen Di Luar Negara

Semua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING IMIGRESEN MALAYSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2013**

KEMUDAHAN MASUK KE MALAYSIA BAGI WARGANEGARA IRAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pemberian tempoh Pas Lawatan (Sosial) kepada warganegara Iran yang masuk ke Malaysia.



(Sila nyatakan rujukan surat Jabatan ini apabila berhubung)

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini warganegara Iran yang memasuki Malaysia diberikan kemudahan masuk tanpa visa dan dikeluarkan Pas Lawatan (Sosial) selama sembilan puluh (90) hari untuk melawat Malaysia.
- 2.2 Kerajaan telah bersetuju untuk menyemak semula kemudahan masuk yang telah diberikan kepada warganegara Iran atas sebab-sebab keselamatan dan bagi tujuan kawalan yang lebih ketat.
- 2.3 Kementerian Dalam Negeri melalui surat bil. KDN(S):IM03/426/1/9() bertarikh 21 Ogos 2013 telah memaklumkan persetujuan Y.B. Menteri Dalam Negeri untuk memendekkan tempoh kemasukan dan keberadaan tanpa visa bagi warganegara Iran di Malaysia kepada 14 hari sahaja.

3. ARAHAN BARU

- 3.1 Kerajaan telah memutuskan **tempoh lawatan** yang dibenarkan kepada bagi warganegara Iran yang masuk ke Malaysia **tanpa visa** adalah selama **empat belas (14) hari** sahaja dari tarikh masuk dan **tiada lanjutan** boleh diberikan selepas itu.
- 3.2 **Syarat-syarat kemasukan dan pemberian Pas Lawatan (Sosial) di Pintu-pintu masuk** adalah:
 - 3.2.1 **Tempoh sahlaku pasport melebihi enam (6) bulan;**
 - 3.2.2 **Tidak tersenarai dalam Senarai Syak Jabatan;**
 - 3.2.3 **Mempunyai tiket penerbangan pulang yang sah;**
 - 3.2.4 **Mempunyai wang sara diri tidak kurang dari RM2000.00 tunai;**
 - 3.2.5 **Mengemukakan bukti tempahan hotel atau tempat penginapan di Malaysia.**

3.3 Kemudahan masuk dengan visa bagi warganegara Iran masih dikekalkan kepada dua (2) bulan dengan dibenarkan lanjutan dua (2) bulan lagi.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013 dan dengan berkuatkuasanya pekeling ini, kemudahan masuk tanpa visa bagi warganegara Iran di Lampiran 1 Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 10 Tahun 1999 adalah dipinda kepada 14 hari.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MESRA, AMANAH DAN TEGAS”

“KHIDMAT DENGAN SENYUMAN”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' ALIAS BIN HAJI AHMAD)
Ketua Pengarah Imigresen
MALAYSIA
Pekelilingan dos/Utta

Edaran dalaman:

- Y.Brs. Tuan Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)
- Y.Brs. Puan Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Pengurusan)
- Pasukan Petugas MS ISO 9001:2000
- Bilik Gerakan Jabatan Imigresen Malaysia

Salinan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 13, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Bahagian Konsular
No.1 Wisma Putra, Presint 2
62602 PUTRAJAYA

Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Tingkat 17, No.2 Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Kementerian Dalam Negeri
Aras 5, Blok D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA